



SERAH...Ahmad Talib menyampaikan sumbangan kepada Rosli di Sadong Jaya, Kuching, semalam.

7 jam tunggu penyelamat

SAMARAHAN: "Banjir kali ini adalah terburuk pernah kami alami kerana air naik sehingga dua meter, memaksa kami berkumpul lebih tujuh jam di dewan orang ramai sementara menanti pasukan penyelamat membawa kami ke tempat lebih selamat," kata penerima bantuan Tabung Bencana NSTP-Media Prima, Rosli Ismail, 50.

Menurutnya, pada awalnya ketika pasukan penyelamat pertama sampai, penduduk enggan berpindah kerana khuatir barang dicuri dan menyangka ia akan pulih dalam tempoh beberapa jam, tetapi air terus meningkat menyebabkan penduduk terpaksa akur dengan arahan dikeluarkan.

Katanya, kejadian berlaku menyebabkan pendapatan penduduk kampung terjejas kerana semua tanaman di kawasan rumah serta ladang musnah sama sekali.

Rosli yang juga Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Ulu Semera, berte-rima kasih kepada kumpulan Media Prima Berhad (MPB) kerana sanggup turun padang menghulurkan bantuan

kepada penduduk kampung yang sememangnya memerlukan sumbangan terutamanya bahan keperluan asas.

"Kami tidak menyangka ada pihak luar yang simpati dengan musibah menimpa penduduk kampung dan sudi datang menghulurkan sumbangan, biarpun kedudukan kampung kami jauh dari pusat bandar raya," katanya.

Misi Bantuan Bencana NSTP-Media Prima yang disokong syarikat GCH Retail (M) Sdn Bhd (Giant) dan Yayasan Salam Malaysia dengan menyampaikan sumbangan kepada 65 keluarga mangsa banjir di Surau Darul Ikhlas Kampung Ulu Semera, Sadong Jaya, di sini, semalam.

Bantuan disampaikan Pengerah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima Bhd, Datuk Ahmad A Talib.

Hadir sama, Presiden Kelab Kebajikan, Sukan dan Rekreasi Jabatan Pengarang NSTP, Shahiman Sarip; Eksekutif Komunikasi Korporat NSTP, Mohammed Rizzuan Abdul Razak dan Eksekutif Kanan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima, Nurina Mior Khairudin.



INFO BANJIR TERENGGANU

MANGSA BANJIR DI TERENGGANU (Setakat jam 6 petang, 2 Januari 2012)

Bahagian/Daerah	Bilangan Mangsa	Bilangan Keluarga	Pusat Pemindahan
Setiu	189	45	4
JUMLAH	189	45	4

JALAN DITUTUP

- Laluan 1685 di Jalan Perkampungan Felda Belara, Setiu-Terengganu. (Jalan ditutup kepada semua kenderaan kerana tanah runtuh)
- Laluan T116 di Kilometer 3.0 Jalan Pantai Sura (Teluk Lipat), Dungun-Terengganu. (Jalan ditutup kepada semua kenderaan kerana tanah mendap)

LAPORAN ASAS AIR

- Amaran berjaga-jaga dikeluarkan selepas paras air di Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri, Setiu kini berada pada paras 7.63 meter melepasi paras biasa 5.50 meter.

